



## SIARAN AKHBAR

### MUZAKARAH SYARIAH KEWANGAN ISLAM 2024

---

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) baru-baru ini telah menganjurkan Muzakarah Syariah Kewangan Islam 2024 di The Centrepoin Hotel, Bandar Seri Begawan dengan tema “Hala Tuju Syariah dalam Kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam”.
2. Muzakarah ini bertujuan untuk menjadi salah satu wadah perbincangan dan perkongsian ilmu di antara BDCB, Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah (LPKS), Badan Penasihat Syariah dan institusi-institusi kewangan Islam mengenai perkembangan terkini dalam kewangan Islam, termasuk isu dan cabaran dalam melestarikan kepatuhan Syariah dalam menjalankan operasi harian institusi-institusi kewangan Islam.
3. Turut hadir ke Muzakarah ini ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin selaku Pengerusi LPKS, ahli-ahli LPKS, Pengurusan Eksekutif BDCB, ahli-ahli Badan Penasihat Syariah daripada institusi-institusi kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam serta pegawai-pegawai daripada fungsi-fungsi pematuhan Syariah institusi-institusi tersebut.
4. Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar, Pengarah Urusan BDCB. Beliau telah menekankan kepentingan peranan Badan Penasihat Syariah dan fungsi pengawalan Syariah di dalam institusi-institusi kewangan Islam dalam memastikan pematuhan Syariah dilaksanakan sama ada dalam meluluskan produk dan perkhidmatan kewangan, mahupun dalam operasi dan aktiviti harian mereka melalui pelaksanaan rangka kerja tadir urus Syariah yang jelas dan teratur.
5. Beberapa sesi perkongsian pengalaman dan perbincangan telah diadakan yang melibatkan para penasihat Syariah dan pegawai-pegawai Syariah daripada LPKS, BDCB dan institusi-institusi kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam. Antara lain isu-isu yang dibincangkan termasuk cabaran-cabaran yang dihadapi oleh institusi kewangan Islam dalam melaksanakan kepatuhan Syariah dan strategi dalam menangani cabaran-cabaran tersebut. Muzakarah juga mengongsikan perjalanan perkembangan kewangan Islam di negara ini serta peluang-peluang yang boleh diterokai dalam memajukan industri kewangan Islam.
6. Muzakarah ini juga telah mengetengahkan profil para cendekiawan Syariah dan pakar kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam sejak bermulanya penubuhan institusi kewangan Islam pada tahun 1991. Ini bertujuan untuk mengiktiraf sumbangan mereka kepada institusi badan penasihat Syariah dan industri kewangan Islam, serta menghargai jasa mereka terhadap pembangunan sektor tersebut.

7. Di akhir sesi muzakarah, satu draf resolusi telah dibentangkan sebagai rumusan kepada keseluruhan perbincangan muzakarah tersebut. Resolusi ini akan dijadikan asas rujukan dan tindakan pihak-pihak yang berkepentingan, khasnya para penasihat Syariah dan pegawai-pegawai Syariah dalam menangani isu-isu pematuhan Syariah yang dibangkitkan dan isu kontemporari dalam kewangan Islam.
8. Muzakarah turut mendengarkan pemberitaan mengenai Brunei Darussalam Islamic Finance (BDIF) Call-for-Papers (CFP) kali kedua yang dianjurkan bersama oleh BDCB dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Inisiatif CFP ini bertujuan untuk menggalakkan perbincangan mendalam mengenai isu-isu terkini dalam bidang kewangan Islam, memupuk dan meningkatkan usaha penyelidikan dalam bidang tersebut serta menggiatkan penerbitan artikel-artikel serta khazanah ilmiah yang diharap akan menyumbang kepada perkembangan ekonomi di Negara Brunei Darussalam. Tema pada tahun ini ialah "Navigating Digital Frontiers in Islamic Finance". Penerimaan abstrak kini dibukakan hingga 31 Oktober 2024, manakala penerimaan kertas penyelidikan penuh akan ditutup pada 30 November 2024. Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi pihak Sekretariat melalui emeil [bdif@unissa.edu.bn](mailto:bdif@unissa.edu.bn) atau hubungi melalui telefon di talian +673 7127739.

**Brunei Darussalam Central Bank**

Tarikh: 20 Rabiulawal 1446H / 24 September 2024M

Rujukan: BDCB/COMMS/3